

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Kerajaan agraria dalam tamadun awal Asia Tenggara terletak di kawasan lembah sungai, pedalaman dan lereng tanah gunung berapi.

(a) Nyatakan **dua** contoh kerajaan agraria.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Senaraikan **dua** aktiviti ekonomi kerajaan agraria.

.....

.....

.....

[2 markah]

(c) Apakah faktor yang mempengaruhi kemajuan sesebuah kerajaan agraria?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(d) Slogan berikut berkaitan usaha meningkatkan sektor pertanian di negara kita.

“Pertanian adalah satu perniagaan”

Sumber : www.usahawan.com

Bagaimanakah rakyat Malaysia boleh merealisasikan hasrat tersebut?

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 2 Perjanjian Hudaibiyah dimeterai antara orang Islam Madinah dengan Arab Quraisy Makkah pada tahun 628 Masihi merintis kepada pembukaan semula kota Makkah.

(a) Nyatakan isi kandungan Perjanjian Hudaibiyah.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Jelaskan kepentingan perjanjian Hudaibiyah kepada perkembangan Islam.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Peristiwa Perjanjian Hudaibiyah memberikan banyak iktibar.
Beri pandangan anda.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 3 Jadual 1 berkaitan pemimpin tempatan yang menentang British pada abad ke-19 dan ke-20.

Kawasan	Tokoh
Sungai Skrang	X
Hulu Terengganu	Y

Jadual 1

- (a) Nyatakan tokoh :

X

Y

[2 markah]

- (b) Mengapakah tokoh seperti di 3(a) menentang British?

.....

[4 markah]

- (c) Perjuangan pemimpin tempatan menentang penjajah British wajar kita contohi.
Jelaskan.

.....

[4 markah]

Lihat halaman sebelah

- 4 Gambar 1 melambangkan sistem pemerintahan demokrasi di negara kita.



Gambar 1

- (a) Apakah peranan Parlimen Malaysia?

.....
.....

[1 markah]

- (b) Jelaskan ciri-ciri keanggotaan Dewan Negara.

.....
.....
.....

[2 markah]

- (c) Sekiranya anda seorang ahli Dewan Rakyat, apakah sumbangan anda kepada masyarakat setempat?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (d) Mengapakah penggubalan undang-undang negara kita perlu melalui proses di Dewan Rakyat dan Dewan Negara?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini

- 5 Tamadun Mesir Purba berkembang sejak Zaman Neolitik antara tahun 10 000 S.M. hingga 5000 S.M.

(a) Jelaskan sistem pemerintahan tamadun Mesir Purba. [4 markah]

(b) Tamadun Mesir Purba dianggap sebagai “Anugerah daripada Sungai Nil”. Bagaimanakah masyarakat tamadun Mesir Purba memanfaatkan Sungai Nil bagi meningkatkan ekonominya? [8 markah]

(c) Masyarakat Mesir Purba meninggalkan warisan khazanah bangsanya untuk dicontohi sehingga ke hari ini.
Jelaskan. [8 markah]

- 6 (a) Jelaskan faktor perkembangan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa menjelang abad ke-15.
Gunakan pengetahuan am dan sejarah anda. [8 markah]

(b) Huraikan sistem percuakian yang dilaksanakan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. [4 markah]

(c) Sistem ekonomi Islam telah mempengaruhi kehidupan masyarakat Malaysia.
Berikan pandangan anda. [8 markah]

- 7 Penjajahan British telah membawa kepada perkembangan bandar baru dan sistem pengangkutan di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

(a) Jelaskan faktor kemunculan bandar baru di Tanah Melayu.

[4 markah]

(b) Sebagai seorang jurutera perancang bandar, bagaimanakah anda merealisasikan sebuah bandar mesra alam dan berteknologi tinggi?

[8 markah]

(c) Berikan cadangan anda untuk meningkatkan kualiti pengangkutan awam di negara kita.

[8 markah]

- 8 Gambar 2 berkaitan peristiwa menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.



Gambar 2

(a) Jelaskan faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]

(b) Terangkan ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. [6 markah]

(c) Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan asas pembinaan negara dan bangsa Malaysia hari ini.
Huraikan.

[8 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 9 (a) Pemuafakatan antara pemimpin dan penduduk Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah membawa kepada penubuhan Malaysia pada tahun 1963.
Huraikan. [6 markah]

(b) Jelaskan mengenai Perjanjian Malaysia 1963. [6 markah]

(c) Bagaimanakah cara untuk mengekalkan keharmonian dan kesepadan antara negeri-negeri di Malaysia? [8 markah]

- 10 (a) Petikan berikut berkaitan ucapan Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada tahun 1971.

“....adalah mustahak Rukun Negara bukan sahaja difahami oleh setiap rakyat, tetapi juga diamalkan dengan sepenuhnya dan segala hikmat-hikmat yang terkandung di sebalik tiap-tiap perkataan dan kalimat Rukun Negara itu benar-benar menjadi darah daging.”

Tun Abdul Razak

Mengapa prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusahaannya perlu dihayati oleh rakyat Malaysia? [6 markah]

(b) Kerajaan sentiasa berusaha memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
Buktikan. [6 markah]

(c) Dalam menghadapi pelbagai cabaran semasa, rakyat Malaysia perlu kekal bersatu padu.
Beri ulasan anda. [8 markah]

- 11 Jadual berikut berkaitan perkembangan dasar luar Malaysia dari tahun 1957 hingga 1981.

Tahap	Perdana Menteri	Dasar Luar Negara
Tahap Pertama	Tunku Abdul Rahman	Dasar Pro Barat
Tahap Kedua	Tun Abdul Razak Tun Hussein Onn	Dasar Berkecuali

- (a) Jelaskan faktor-faktor penggubalan dasar luar Malaysia. [4 markah]
- (b) Mengapakah berlaku perubahan dasar tahap pertama kepada tahap kedua? [8 markah]
- (c) Beri cadangan anda untuk mengekalkan hubungan baik Malaysia dengan negara luar. [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT